KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	08.08.22	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	TNB			

Ujian pembakaran bersama ammonia, arang batu berjaya

Kuala Lumpur: Anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Bhd (TNB), TNB Research Sdn Bhd (TNBR) dan TNB Power Generation Sdn Bhd, bersama IHI Power System Malaysia Sdn Bhd dan Petronas Hydrogen Sdn Bhd berjaya menjalankan ujian pembakaran bersama ammonia sebagai sebahagian daripada inisiatif menyahkarbonkan sektor tenaga negara.

Menurut TNB dalam kenyataan, ujian pembakaran bersama ammonia dan arang batu berkenaan dijalankan di pusat kemudahan pelantar ujian TNBR di Kajang, Selangor.

Katanya, eksperimen pembakaran bersama ammonia itu menempa kejayaan apabila pelepasan karbon dioksida (CO_2) dan sulfur dioksida (SO_2) yang direkodkan didapati berkurangan mengikut kadar pembakaran.

"Malah, tiada kesan tindak balas ammonia pada laluan keluar relau ketika ujian dijalankan. Suhu pembakaran juga tidak menunjukkan perbezaan ketara," katanya.



TNB mengumumkan berjaya menjalankan ujian pembakaran bersama ammonia sebagai sebahagian daripada inisiatif menyahkarbonkan sektor tenaga negara.

TNB berkata, hasil ujian dilihat memenuhi objektif eksperimen menuju nyah karbon, seterusnya mengukuhkan peluang TNB untuk mewujudkan projek rintis stesen janakuasa rendah karbon sekiranya memperoleh persetujuan daripada pihak berkuasa.

"Objektif utama ujian ini adalah bagi menentukan kesan pembakaran bersama ammonia sebagai bahan bakar bebas karbon terhadap arang batu dalam sistem penjanaan kuasa berasaskan arang batu.

"Eksperimen menggunakan tiga jenis arang batu yang biasa digunakan di stesen janakuasa arang batu Malaysia," katanya.

"Tiada kesan tindak balas ammonia pada laluan keluar relau ketika ujian dijalankan"

TNB

Menurut TNB, nisbah ammonia dinaikkan secara berperingkat daripada 0 peratus hingga 60 peratus bagi setiap jenis arang batu.

"Ujian pembakaran bersama ammonia dan arang batu ini adalah sebahagian daripada usaha TNB meneroka potensi penyahkarbonan seiring dengan Hala Tuju Kelestarian TNB dan menyokong inisiatif kerajaan untuk mencapai sasaran 45 peratus pengurangan intensiti Gas Rumah Kaca (GHG) pada 2030," katanya.

HM080822_24